

Headline	Keselesaan rakyat jadi tumpuan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	12,13
ArticleSize	2148 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 145,683		



Pelaksanaan NBOS melalui subsektor Kejiranan Indah Keselesaan rakyat jadi tumpuan utama

MELALUI Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) subsektor Kejiranan Indah, memperlihatkan inisiatif yang dilaksanakan telah berjaya memberi keselesaan hidup kepada kira-kira 92,000 penduduk yang tinggal di 29 kawasan perumahan jenis pangsa dan kos rendah awam di seluruh negara.

Di samping itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), selaku agensi peneraju subsektor tersebut turut berjaya menyuntik kembali semangat penduduk dan meredakan kesengsaraan 25 mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran.

Selain mangsa kebakaran, pihak KPKT turut memberi bantuan terhadap golongan orang kelainan upaya (OKU) melalui inisiatif sama yang dimulakan pada bulan Julai 2012 dan berakhir hujung tahun ini.

Inisiatif tersebut turut digerakkan melalui perkongsian pintar antara agensi-agensi di bawah KPKT dan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Ikatan Relawan Malaysia (RELA).

Selain agensi tersebut, Jabatan Pembangunan Persekutuan (ICU), Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut terlibat dengan menyalurkan sumber kewangan dan tenaga manusia bagi menggerakkan aktiviti di kawasan perumahan pangsa, perumahan kos rendah awam dan pembinaan semula rumah terbakar dan usang yang dilihat telah berjaya mengembalikan semula kebahagiaan dan kesejahteraan hidup rakyat jelata.

Berdasarkan rekod, setakat ini, lebih kurang 92,000 penduduk telah mendapat manfaat di bawah Program *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) atau dikenali Kejiranan Indah yang telah dilaksanakan untuk menangani isu-isu yang menyentuh hati rakyat sejak tahun 2012.

Kini masalah-masalah perumahan awam kos rendah telah berjaya ditangani dengan rapi oleh KPKT. Dalam tempoh masa lebih kurang tiga bulan, pelbagai perumahan awam telah berjaya dinaik taraf dan kini kelihatan lebih menarik dan menjamin kesejahteraan penduduknya.

Antara kawasan perumahan awam terlibat seperti Rumah Pangsa Bandar Baru Teluk Kumbar di Pulau Pinang, Rumah Pangsa Taman Setia Jaya di Alor Setar, Rumah Pangsa Taman Lobak, Rumah Pangsa Templer 2 di Seremban telah bertukar wajah menjadi sebuah kejiranan indah malah berubah wajah daripada perumahan kos rendah menjadi kawasan perumahan kos sederhana.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Templer 2, Seremban, Aslam Mohamed berkata, selepas mendapat perhatian dan sumbangan dari KPKT, kehidupan mereka sekeluarga kini lebih selesa, ceria, bersih, indah, bahagia dan selamat.

Katanya, nilai harga rumah pangsa kos rendah Taman Templer 2, Seremban juga telah meningkat dan taman ini kelihatan macam *apartment* sekarang.

"Setelah bantuan disalurkan untuk kerja-kerja mengindahkan perumahan awam Taman Templer 2, Seremban melalui inisiatif MyBN yang siap pada bulan Oktober 2013, kehidupan masyarakat di sini lebih terjamin malah suasananya juga lebih selesa dan kondusif," katanya.

Inisiatif NBOS

NBOS adalah salah satu inisiatif diambil kerajaan bertujuan memacu Malaysia ke arah sebuah negara membangun, berpendapatan tinggi, harmoni dan sejahtera dalam semua aspek.

Inisiatif digerakkan melalui NBOS juga merupakan usaha kerajaan bagi meningkatkan sistem penyampaian kepada rakyat melalui inovasi yang di luar kebiasaan, idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai Kementerian, jabatan atau agensi persekutuan, Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pihak swasta.

Program dan projek dilaksanakan di bawah NBOS perlulah menepati ciri-ciri seperti menghasilkan impak tinggi, dilaksanakan dalam jangka masa yang singkat dan melibatkan kos yang minima.

Inisiatif NBOS adalah salah satu pendekatan diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi mengubah sistem penyampaian awam dan menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Usaha pemerkasaan penyampaian perkhidmatan awam yang diambil terutamanya dalam menyediakan kemuda-

han yang mempunyai titik sentuhan secara langsung dengan rakyat menjadi agenda utama Kerajaan selaras dengan gagasan '1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Berdasarkan objektif, tujuan pelaksanaan MyBN melibatkan tiga kriteria utama iaitu:

- Mengubah persekitaran kejiranan perumahan awam yang tidak terurus kepada persekitaran yang indah;
- Mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih dan indah secara mapan; dan
- Mewujudkan perasaan cintakan persekitaran kejiranan dalam kalangan penduduk setempat.

Pada tahun 2012, sebanyak lapan perumahan awam telah berjaya ditukar wajah baharu dengan 18,000 penduduk mendapat manfaat manakala pada tahun 2013 pula, sebanyak 21 perumahan awam dalam proses dinaik taraf yang dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2013 dengan 74,000 penduduk mendapat manfaat seterusnya meningkatkan kualiti hidup.

Bagi melaksanakan kerja-kerja mengindahkan perumahan awam milik PBT dan kerajaan negeri, KPKT telah menggabungkan sumber semua jabatan di bawahnya yang meliputi program dan juga aktiviti seperti berikut:

- Penyelenggaraan Bangunan oleh Bahagian Kesejahteraan Bandar (JPN) meliputi kerja-kerja mengecat semula bangunan, menaik taraf bumbung, siling dan saluran air hujan (*gutter*), pendawaian semula kabel elektrik, tangki air, sistem retikulasi, longkang perimeter, kebuk sampah, *awning* dan lain-lain.
- Menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) merangkumi kerja-

kerja membaiki dan menaik taraf jalan raya, longkang dan parit di luar bangunan, memperbaharui dan menaik taraf pencahayaan bangunan, susun semula tempat letak kereta, membina dan menaik infrastruktur komuniti;

Headline	Keselesaian rakyat jadi tumpuan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	12,13
ArticleSize	2148 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 145,683		

- Menaik taraf landskap dan pengindahan kejiranan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan melaksanakan projek pengindahan landskap seperti penyediaan peralatan permainan kanak-kanak, penyediaan ruang refleksologi dan projek penanaman pokok;
- Pelaksanaan langkah-langkah Program Bandar Selamat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) hasil kerjasama yang strategik bersama-sama Kementerian Dalam Negeri dan PDRM telah menyediakan tempat letak motosikal berkunci bagi mengurangkan kes kecurian motosikal di perumahan kos rendah dan pemasangan papan tanda talian kecemasan pasukan keselamatan itu bagi tujuan meningkatkan masa respon PDRM apabila berlaku sesuatu kecemasan atau kejadian jenayah. Selain itu, PDRM dan anggota RELA turut menjalankan aktiviti rondaan keselamatan bersama-sama penduduk dan Rukun Tetangga (RT) sebagai salah satu usaha bersepadu dalam mengurangkan jenayah di kawasan perumahan awam kos rendah; dan
- Pembersihan kawasan oleh penduduk setempat dan sukarelawan iM4U bersama-sama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Jabatan Bomba, PBT dan RELA dengan melaksanakan aktiviti gotong-royong, gerak gempur, kempen kebersihan dan kesedaran awam kitar semula. Program kitar semula juga dipergiatkan dalam kawasan dengan penubuhan Rakan 3R antara penduduk setempat dengan PPSPPA. Di samping itu, bagi memberikan perkhidmatan yang mampu sampai kepada semua kelompok rakyat, pandangan dan hasrat para penduduk di lokasi projek akan didengari dan dimasukkan dalam skop kerja untuk menyelesaikan isu setempat melalui pelbagai program yang dibuat seperti sesi dialog bersama penduduk setempat; aktiviti gotong-royong; perjanjian persefahaman antara Persatuan Penduduk dengan PPSPPA; Melancarkan MyBN; dan Majlis Penyerahan kepada penduduk dengan mengajak mereka berjanji untuk bersama-sama menjaga harta awam dan kawasan persekitaran kejiranan mereka. Dalam pada itu, semua belia yang berumur antara 18-40 tahun turut diseru mendaftar sebagai sukarelawan iM4U selaras dengan Tahun Kesukarelawanan 2013. Golongan belia merupakan barisan pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan tanpa mengira latar belakang, bangsa, per-

bezaan fahaman politik dan agama.

Melalui program sukarelawan ini, ia dapat menggabungkan tenaga golongan belia untuk bersama-sama berganding bahu menjayakan aktiviti-aktiviti sihat yang dilaksanakan.

Perumahan awam

Selain daripada projek mengindahkan perumahan awam, KPKT melalui JBPM turut menggunakan sumber hasil sumbangan ihsan dari pelbagai agensi seperti KKLW, Majlis Agama Islam Perak, Tabung Darul Iman Terengganu, Baitumul Sarawak, TNB, IRIS Corporation Berhad, yayasan dan pemaju untuk membina semula rumah mangsa kebakaran yang miskin tegar.

Buat julung kalinya juga, melalui inisiatif tersebut, anggota JBPM bukan lagi sekadar memadam api dan menyelamatkan harta benda mangsa kebakaran, malah kini terlibat dalam membina semula rumah-rumah terbakar bagi golongan berpendapatan rendah di bawah NBOS.

Projek membina semula rumah mangsa kebakaran yang berpendapatan rendah ini telah dilaksanakan oleh anggota JBPM dan berjaya disiapkan dalam tempoh yang singkat iaitu di antara tujuh hari sehingga 16 minggu.

Sebagai contoh, sebuah rumah mangsa kebakaran di Kampung Nail, Kuala Besut, Terengganu telah pun berjaya disiapkan dalam masa tujuh hari sahaja dengan menggunakan teknologi sistem pembinaan industri (*Industrialised Building System* atau IBS).

Dalam pada itu, KPKT melalui kerjasama strategiknya dengan KKLW sedang melaksanakan 20 projek *House Build* 2013 merangkumi pembinaan semula, membaiki dan menaik taraf rumah mangsa kebakaran atau rumah

usang yang dimiliki oleh golongan miskin dan projek tersebut sedang dilaksanakan oleh JBPM.

Secara keseluruhan, hala tuju dan pelaksanaan inisiatif MyBN di bawah NBOS telah mendapat maklum balas memberangsangkan daripada orang awam, malah projek mengindahkan perumahan awam akan diperluaskan ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak manakala 30 projek *House Build* lagi akan diteruskan pada tahun 2014.

Pihak KPKT percaya dan yakin inisiatif yang diambilnya dengan kerjasama pelbagai agensi itu membolehkan lebih banyak rumah mampu milik dibina dan berupaya sampai kepada golongan sasaran sekiranya terus menerima sumbangan dan bantuan daripada pelbagai pihak yang bertanggungjawab dan prihatin dengan kebajikan rakyat.

Headline	Keselesaian rakyat jadi tumpuan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	12,13
ArticleSize	2148 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 145,683		

Senarai 29 perumahan awam yang terlibat dalam bantuan disalurkan iaitu



1. Rumah Pangsa Lobak, Seremban
2. Rumah Pangsa Taman Setia Jaya, Alor Setar
3. Rumah Pangsa Simpang Kuala, Alor Setar
4. Rumah Pangsa Seberang Terus, Alor Setar
5. Rumah Pangsa Jalan Silang, Ipoh
6. Rumah Pangsa Kinta Height, Ipoh
7. Rumah Pangsa Jalan Bijih Timah, Ipoh dan
8. Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru
9. Rumah Pangsa Templer 2, Negeri Sembilan
10. Taman Nira, Batu Pahat, Johor (perumahan bukan strata)
11. Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Kg Bijangga, Dungun, Terengganu
12. Rumah Pangsa Mengkarak Stesen, Bera, Pahang
13. PAKR Batu 1, Jalan Teras 2, Pahang
14. PAKR Kg Telemong, Pahang
15. PAKR Kg. Muhibbah Karak, Pahang
16. PAKR Jalan Karak, Mentakab, Pahang
17. PAKR Temerloh 1, Pahang
18. Taman Jengka Impian, Pahang (perumahan bukan strata)
19. Rumah Pangsa Alor Malai, Kedah
20. Rumah Pangsa Tongkang Yard, Kedah
21. Rumah Pangsa Kilang Lama, Kulim
22. Rumah Pangsa Ujong Pasir, Melaka
23. Taman Perumahan Kos Rendah Pulau Gadong 1, Melaka (perumahan bukan strata)
24. Rumah Pangsa Bandar Baru Teluk Kumbar, Pulau Pinang
25. Rumah Pangsa Buluh Kubu, Kelantan
26. Rumah Pangsa Perumahan ERHP Taman Keramat, Sabah
27. PPR Taman Sri Harmoni, Sarawak
28. Rumah Pangsa Taman Malihah II, Sarawak
29. Rumah Pangsa Taman Malihah Jaya, Sarawak

Headline	Keselesaian rakyat jadi tumpuan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	12,13
ArticleSize	2148 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 145,683		



Program dan projek dilaksanakan di bawah NBOS perlulah menepati ciri-ciri seperti menghasilkan impak tinggi, dilaksana dalam jangka masa yang singkat dan melibatkan kos yang minima

DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



SELAIN membina rumah untuk golongan yang memerlukan, inisiatif NBOS Subsektor Kejiranan Indah turut mengecat semula perumahan jenis pangsa dan mengindahkan kawasan sekitarnya.

Headline	Keselesaian rakyat jadi tumpuan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	12,13
ArticleSize	2148 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 145,683		



KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa bersama-sama Ketua Setiausaha Kementerian, Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Arpah Abdul Razak menyempurnakan Majlis Pelancaran NBOS Subsektor Keijiran Indah.



Headline	Keselesaian rakyat jadi tumpuan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	12,13
ArticleSize	2148 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 145,683		

